

Memperjuangkan Kedaulatan Melayu dan Islam

“Zaman menyelimuti kebenaran Islam dan keindahannya di antara ideologi-ideologi oleh pengikut-pengikut Islam yang pengecut itu telah lalu, zaman demokrasi telah datang, rakyat akan memilih mana yang baik, maka kewajipan kita umat Islam sendirilah terutama golongan alim ulama dan bijak pandai tampil ke muka dengan ikhlas dan kerana mencari keredhaan Allah pada membuktikan kebenaran sabda Rasulullah: *“al-Islām ya ‘lū wa lā yu ‘lā ‘alayh...”*” kata Dr. Burhanuddin al-Helmy Yang Dipertua Persatuan Islam se-Malaya, dalam amanatnya baharu-baharu ini. Ucapan beliau yang sepenuhnya adalah seperti berikut – P. Q.

Oleh: Dr. Burhanuddin al-Helmy

(1) Dasar perjuangan kita

Kita sebagai umat Islam maka tiap-tiap amal kita mestilah bertanggungjawab dan dipertanggungjawabkan pada meneruskan tugas perjuangan kita dalam kebangsaan dan jihad Islam kita.

Tugas perjuangan dan jihad kita ialah akidah atau *principle* yang menjadi pegangan dan dasar perjuangan kita sebagai umat Islam ialah kemuliaan dan kedaulatan agama Islam kita.

Diri kita sebagai bangsa Melayu yang mendokong Islam itu berwatankan Tanah Melayu ialah kemuliaan dan kedaulatan bangsa Melayu di atas hak pusaknya Tanah Melayu.

Susunan tertib perjuangan kita adalah kedaulatan kebangsaan Melayu dan watannya Tanah Melayu adalah alat bagi mencapai kedaulatan Islam dan perjuangan Islam itu sendiri adalah memberikan tenaga yang besar bagi kebangkitan kebangsaan Melayu. Kerana itu selagi kebangsaan Melayu yang mendokong agama Islam belum bebas merdeka dan berdaulat maka kemerdekaan dan kedaulatan Islam yang

sebenar belumlah dapat berjalan betul.

Memandang dan berpegang pada akidah dan dasar perjuangan kita itu manakala kita bandingkan dengan perlembagaan dan kemerdekaan 31 Ogos 1957 maka kedapatan hampa dan belum berisi dengan isi cita-cita perjuangan kita.

(2) Sebelum merdeka

Kita semua ahli perjuangan mengetahui dan sedar apa yang kita perjuangkan dan apa yang hendak kita musnahkan dan apa pula yang hendak kita dirikan.

Tegas jawabannya, kita memperjuangkan dasar perjuangan kita yang hendak kita musnahkan ialah penjajahan dan tali barutnya, yang hendak kita dirikan ialah kedaulatan Melayu dan Islam.

Penjajah itu bukan Inggeris atau Belanda, tetapi suatu faham ideologi yang menindas sesuatu kebangsaan yang hak daripada mendapat kebebasan dan kemerdekaan yang penuh dalam lapangan politik, ekonomi, sosial

dan lain-lain, tidak dikira daripada apa bangsa jua pun. asal dia menjajah maka penjajahlah ia. Selagi tali dan ikatan penjajahan itu belum putus sama ada kelihatan atau tidak daripada persembunyiannya maka masalah terikat lagi dengan cengkaman dan ikatan penjajah itu.

Misalnya sebuah estet yang bertukar tuan atau *managernya*, tetapi tidak bertukar perturan-peraturan dan undang-undang yang dijalankan dalam estet itu terhadap buruh dan nasib buruh, maka tidaklah bererti perubahan tuan atau *manager* estet itu. Apalagi gaji-gaji *manager* bertambah adalah semakin menekan buruh, demikian jualah perjuangan rakyat terhadap kemerdekaan bangsa dan nusanya. Berkehendakkan perubahan politik, ekonomi, pelajaran, sosial dan sebagainya, walaupun yang memerintah telah bertukar sistem bermenteri, tetapi selagi undang-undang lama jua yang berjalan dalam masa yang dikatakan merdeka. Politik yang diperjuangkan rakyat tidak dapat ekonomi, pelajaran, dan lain-lain masih mengikut lanjutan kepentingan penjajah maka belumlah berisi merdeka itu malah jauh daripada selesai perjuangan, demikianlah kemerdekaan yang kita dapati sekarang.

Perbandingan ini semakin nyata kerana sebelum mereka bangsa Melayu telah berkali-kali berkongres sebagai menzahirkan keinginan dan hasrat kebangsaan dengan mengambil keputusan-keputusan yang terang dan jelas seperti Kongres Kebangsaan Melayu yang pertama dan kedua, Kongres Pemuda Melayu, Kongres Bahasa dan Persuratan melayu, Kongres Parti-Parti dan Pertubuhan-pertubuhan Melayu yang bersendirian seperti PAS kita telah berkali-kali berkongres dan membuat keputusan dan ketetapan maka

semua isi keputusan Kongres itu ialah memperjuangkan supaya berdaulat kembali kebangsaan Melayu dengan bahasa, pelajaran dan kebudayaan Melayu kembali berdaulat di persada ibu pertiwinya Tanah Melayu, itulah yang diperjuangkan mati-matian oleh bangsa Melayu.

Manakala penjajah pula menentang gerakan dan keinginan hasrat rakyat Melayu yang hak dan adil itu dengan siasah pecah dan perintah, mengadu domba dan siasah pintu terbukanya memasukkan orang-orang dagang, bukan untuk muslihat anak negeri, tetapi untuk muslihat penjajahnya, ditambah lagi dengan siasah pelajaran dan kebudayaan penjajahan. Gerakan memperkecilkan gerakan kebangsaan Melayu dicap dengan gerakan perkauman lalu mengadakan jawatankuasa muhibbah, maka semakin tegaslah lagi cita-cita penjajah hendak meMalayankan Melayu supaya kebangsaan Melayu itu lebur terbenam dalam pusingan siasah pintu terbukanya yang menjadi luka melemaskan dan menenggelamkan hak Melayu dalam segala lapangan.

Sepuluh tahun rakyat negeri ini dengan kebijaksanaan penjajah memberikan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang pertama (1948-1957) maka selama sepuluh tahun rakyat dapat dikelirukan dan dibuaikan tiap-tiap tahun menyambut hari Persekutuan Tanah Melayu yang pertama itu. Tetapi demi kesedaran rakyat perlembagaan yang tak demokrasi itu terpaksa dibantu dengan Undang-Undang Darurat, maka dengan Undang-Undang Darurat itu dapatlah tekanan penjajah itu diputar belitkan hingga gerakan kebangsaan Melayu yang tulen dapat dibenamkan seperti yang digerakkan oleh Parti Kebangsaan Melayu dituduh komunis sebagaimana biasanya tuduhan penjajah itu kepada gerakan kebangsaan di lain-lain negeri. Begitu pun komunis bangun menentang kerajaan penjajahan itu belum jua dapat dihapuskan

hingga sekarang ini.

Apa yang diputuskan dan ditetapkan dalam Kongres Kebangsaan Melayu, Kongres-kongres Badan-badan Politik Melayu, Kongres Pemuda Melayu, Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu termasuklah Kongres PAS sendiri dalam masa sebelum merdeka tidaklah berjalan, malah tersekat, dipusing-pusing dan dipesong-pesongkan oleh penjajah hingga keputusan-keputusan itu jika tidak pun berjalan tidaklah menuju matlamatnya yang betul, adakalanya berpusing balik memelihara kepentingan penjajahnya pula.

(3) Mengisi kemerdekaan

Demikianlah kenyataan perjuangan kita bertentangan dengan perjuangan penjajahan meneruskan siasah pintu terbuka dan siasah adu dombanya yang telah mengelirukan rakyat negeri ini.

Kita dari Angkatan Persatuan Islam adalah tetap dengan dasar perjuangan kita. Manakala kita banding dan pelajari Perlembagaan Reid bagaimana yang telah kita siarkan kepada umum bahawa kemerdekaan 31 Ogos itu adalah berlawanan dengan dasar-dasar isi perjuangan kita, malah jika tidak disedari lekas boleh jadi berlakunya nanti Perlembagaan Reid itu menggunting di lipatan perjuangan kita dan pengaruh saki baki penjajahan dengan siasah pintu terbukanya dan siasah adu dombanya berjalan terus mengelirukan rakyat yang dapat dikelirukan.

Selama setahun kita telah merdeka sekolah Melayu telah lenyap menjadi sekolah umum, bahasa Inggeris dahulu berkembang di pekan-pekan sekarang telah menjalar ke kampung-kampung orang Melayu dengan suatu penarikan telah lebih suka mempelajari bahasa Inggeris daripada mempelajari

Melayu bahasanya sendiri. Orang lebih tertawan ke sekolah Inggeris daripada sekolah umum yang dikatakan sekolah Melayu itu. Segelintir orang yang makmur manakala rakyat hampir-hampir kebulur meleset semakin menunjukkan tarikan dengan banyak kilang-kilang, lombong-lombong dan perusahaan yang di tutup.

Apa pun terdiri dan berlaku namun kita mestilah tetap dengan dasar perjuangan kita, tetap berjuang mengisi kemerdekaan seperti yang terdapat di dalam perisytiharan 31 Ogos 1957 itu, kita tetap menghormati kemerdekaan tetapi kita menghormati dengan kenal dan tahukan nilai merdeka 31 Ogos itu. Kewajipan kita dan tugas tanggungjawab kita tidaklah boleh berkurang malah mesti dilipat gandakan lagi dalam perlumbaan demokrasi yang telah diberikan dalam Perlembagaan Reid itu, jika tidak kancang dan awas-awas kita akan tewas dan tertindas.

Lapangan perjuangan kita hendaklah menumpukan:

- 1) Menegakkan keamanan.
- 2) Kemakmuran rakyat.
- 3) Keadilan masyarakat.
- 4) Kemanusiaan.
- 5) *Amar bi al-ma'rūf* dan *nahyy 'an al-munkar*.

Kita mesti sedar bahawa kemerdekaan kepada kita namanya alat. Rakyat berkehendakkan kemakmuran dan kemakmuran itu pun alat kepada kita. Keamanan yang hendak kita tegakkan bukanlah keamanan yang dipaksakan, keamanan yang bertanggungjawab di atas jalan akidah-akidah perjuangan kita, demikianlah dalam lapangan keadilan masyarakat, kemanusiaan.

Perjuangan kita jauh lagi dibandingkan dengan semua ideologi perjuangan yang ada di tanah air kita

hari ini, perjuangan kita dari pangkal hingga ke hujungnya adalah berdasarkan perjuangan dan jihad hendak menegakkan hukum Allah berjalan dan dihormati di bumi pusakan kita ini dan mencapai keredaan Allah.

Kita percaya dan berpegang bahawa perjuangan kita menuju cita-cita akhir menegakkan hukum Allah dan keredaan-Nya itu adalah wajib, maka segala yang menyampaikan kita kepada wajib adalah wajib jua kita lalui dan kita perjuangkan dengan nama jihad *fi sabil Allah*, kerana itu sepanjang-panjang perjuangan kita mestilah berpedoman dan menjunjung perintah Allah.

(4) Menukar falsafah hidup rakyat

Dalam negara merdeka ini adalah kewajipan kita umat Islam menukar falsafah hidup rakyat negeri ini kepada falsafah hidup Islamiyyah. Kita mulakan dalam persatuan kita dan kita meluas dan mengembang menjalankan dakwah al-Rasul, ini bukanlah paksa tetapi itulah cara hidup yang sebaik-baiknya yang diakui Tuhan yang menjadikan manusia ini.

Kita bangsa Melayu ada cita-cita hendak menegakkan kebangsaan Melayu kita, maka di atas keyakinan itu kita lancarkan perjuangan kemerdekaan kita hinggalah kita merdeka sedemikian rupa, pada hal kemerdekaan 31 Ogos 1957 adalah diasaskan oleh bangsa Melayu maka melimpah umum kepada semua bangsa termasuklah yang dibawa masuk oleh siasah pintu terbuka penjajah itu.

Orang sosialis ada keyakinan maka mereka perjuangkan supaya terdiri sistem sosialis di negeri ini, demikian jua orang-orang komunis yang beryakin dan bersikap sungguh-sungguh supaya sistem

komunis dapat masuk dalam masyarakat dan berjalan di negeri ini.

Dibandingkan bilangan sosialis hanya sedikit sahaja, manakala komunis menurut keterangan kerajaan adalah kira-kira 5000 orang sahaja di Malaya ini, mereka remuk dan sanggup hendak memperjuangkan cita-cita mereka. Bagaimana kita umat Islam yang banyak kali lipatan ganda banyak bilangannya daripada sosialis dan komunis, bahawa kita umat Islam daripada tiga *million* di Tanah Melayu ini begitu lemah dan lalai dengan ideologi Islam sendiri, pada hal kita mengaku bahawa hidup dan mati kita kerana Allah maka sangat-sangat besar peluang dan kemungkinan diperkencang dan diperluas bagaimana perkembangan Islam 13 kurun yang lalu, Islam telah nyata membawa rahmat ke seluruh alam manusia maka kenapa tiga *million* manusia Islam tidak berhati yang sanggup memperluaskan sayap rahmat dan pertunjuk Islam itu hidup dalam jiwa rakyat negeri ini?

Zaman menyeliputi kebenaran Islam dan keindahannya di antara ideologi- ideologi oleh pengikut-pengikut Islam yang pengecut itu telah lalu, zaman demokrasi telah datang, rakyat akan memilih mana yang baik, maka kewajipan kita umat Islam sendirilah terutama golongan-golongan alim ulama' dan bijak pandai tampil ke muka dengan ikhlas dan kerana mencari keredaan Allah pada membuktikan kebenaran sabda Rasul: "*al-Islām ya 'lū wa lā yu 'lā a 'layh*" dan firman Tuhan: "*kuntum khayra ummat ukhrijat li al-nās.*"

(5) Kebangsaan Melayu

Memperjuangkan kebangsaan Melayu adalah memperjuangkan tangga kedaulatan Islam. Memperjuangkan *Malayan* adalah tipu helah penjajah, untuk mengelirukan dan membenamkan

Melayu dan Islam. Tetapi pada sisi agama Islam perkembangan kebangsaan yang memelihara hak dan keadilan bangsa dan watan adalah termasuk dalam ayat yang bererti: “Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan berpuak-puak kerana berkenal dan berbaik-baik di antara kamu.....”

Kerana itu hendaklah kita segera mendesak kepada yang berkenaan supaya,

- 1) Berjalan segera bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan menggantikan bahasa Inggeris.
- 2) Meningkatkan taraf pelajaran dan ekonomi Melayu.
- 3) Membuka mata rakyat dan memberikan kesedaran politik kebangsaan Melayu yang benar kepada perkembangan dan perjuangan politik dalam dan luar negeri.

(6) Membaharui azam

Kita telah berkali-kali mengingatkan berulang-ulang berkenaan dengan bencana yang boleh timbul daripada Perlembagaan Reid jika kita bangsa Melayu lalai dan leka dalam kekeliruan.

Kerosakan dan kejatuhan masyarakat bangsa Melayu dalam lapangan pelajaran, ekonomi dan lain-lain tidaklah cukup dengan menyalahkan penjajah, malah hendaklah dipelajari dan diakui kelemahan dan kesalahan diri sendiri.

Kemerdekaan ini telah memberikan peluang kepada rakyat dalam beberapa bahagian walaupun hak politik telah dibukakan kepada semua bangsa dengan longgarnya dengan hak demokrasi yang telah membenamkan hak mutlak bangsa Melayu bagaimanapun tidak harus melemahkan semangat kita,

malah itu hendaklah dijadikan cambuk kesedaran kepada bangsa kita supaya jangan berlengah-lengah lagi, jua kepada kelengahan yang sudah-sudah. Tiap-tiap bangsa Melayu hendaklah mengisi dada dan keyakinan kita dengan tanggungjawab mengutamakan kebangsaan Melayunya dalam lapangan perjuangan kebangsaan negeri ini sementara sebelum luput.

Pada hari menyambut kemerdekaan ini kita baharuilah azam dan tekad perjuangan kita, berdirilah di tempat perdirian yang hak dan saksama, berjalanlah di atas dasar perjuangan kita yang betul dengan penuh tanggungjawab menuju “*baldatun tayyibatun wa rabbun ghafūr*”.

Sudahkah tuan mengetahui sejarah Nabi tuan?

Nabi Nuh

Adalah seorang Nabi dan Rasul yang wajib diimani. Di dalam sejarahnya yang lalu ditulis kerap didapati perkara-perkara yang berlebih-lebihan.

Sekarang tuan dapat membaca sejarahnya yang berdasarkan kepada cetera-cetera al-Qur'an disusun oleh 'Idrus.

Tidak ada karut marut di dalamnya.

Tuan-tuan akan terjamin membaca ceritanya yang benar dan tidak disadur, kerana dasarnya daripada cerita al-Qur'an yang diturunkan oleh Tuhan.

Senaskah \$ 1.00 pos 10 sen.